

# Semakan pembebasan Muhyiddin 9 Julai

m/s: 10

UTUSAN MALAYSIA 26 APR 2024

**PUTRAJAYA:** Permohonan semakan Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengembalikan keputusan Mahkamah Tinggi yang melepās dan membebaskannya daripada empat pertuduhan salah guna kuasa, akan didengar panel lima hakim Mahkamah Rayuan.

Permohonan itu akan didengar pada 9 Julai ini dan pada hari yang sama, panel berkenaan dijadualkan mendengar bantahan awal pihak pendakwaan yang dinamakan sebagai responden.

Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim membenarkan permohonan Muhyiddin agar panel lima hakim menyemak keputusan panel berlainan dua bulan lalu yang memerintahkan keempat-empat pertuduhan terhadap beliau 'dihidupkan semula'.

Bekas Perdana Menteri itu memohon mengetepikan keseluruhan keputusan Mahkamah Rayuan dan mengembalikan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos 2023.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam Datuk Hisyam Teh Poh Teik yang mewakili Muhyiddin kepada pihak media selepas sesi pengurusan

kes yang didengar di hadapan Timbalan Pendaftar Muhammad Noor Firdaus Rosli semalam.

Ahli Parlimen Pagoh itu atau nama sebenarnya Mahiaddin Yasin mengemukakan permohonan bertulis kepada Presiden Mahkamah Rayuan pada 19 April lalu melalui peguam Chetan Jethwani agar tambahan ahli panel mendengar permohonan itu.

Pada 28 Februari lalu, Datuk Hadhariah Syed Ismail yang bersidang bersama-sama Datuk Azmi Ariffin dan Datuk S.M. Komathy Suppiah memutuskan Mahkamah Tinggi terkhilaf apabila membatalkan kesemua pertuduhan itu.

Muhyiddin memfailkan permohonan semakan tersebut pada 29 Februari lalu atas alasan antaranya panel tiga hakim itu telah memutuskan bahawa empat pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (ASPRM) 2009 yang dikenakan terhadap bekas Perdana Menteri itu adalah jelas.

Oleh itu, tidak ada keperluan bagi pihak pendakwaan untuk menyatakan cara atau memberikan butiran lanjut tentang bagaimana kesalahan itu dilakukan.